

Headline	Galak khatan elak HIV		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 May 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	5	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	RIZANIZAM ABDUL HAMID	AdValue	RM 12,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,390



Galak khatan elak **HIV**

■ Seks bebas sumbang 2,510 kes baru jangkitan virus pembunuh

Oleh Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Jangkitan melalui aktiviti seks bebas menyumbang kepada 2,510 kes baru HIV tahun lalu, sekali gus menunjukkan peningkatan drastik berbanding hanya 985 kes, lima tahun lalu.

Tahun lalu, 3,393 kes baru HIV direkodkan dengan 2,510 atau 74 peratus daripadanya berpunca akibat hubungan seks manakala pada 2009, sebanyak 985 kes (32 peratus) direkodkan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, susulan peningkatan mendadak itu, beliau meminta pegawai di Kementerian Kesihatan mencari kaedah penyelesaian menyeluruh bagi membanteras jangkitan virus itu melalui aktiviti seksual.

"Walaupun seks dalam konteks HIV sangat sensitif dan



kompleks, usaha ini perlu segera dilakukan antaranya menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi menangani transmisi seksual HIV.

"Selain itu, menggalakkan khatan bagi lelaki, yang mana kaedah ini diakui dapat menurunkan kadar jangkitan HIV sebanyak 64 peratus, malah ada

“ Menggalakkan khatan bagi lelaki diakui dapat menurunkan kadar jangkitan HIV sebanyak 64 peratus, malah ada kajian menunjukkan penurunan sehingga 73 peratus”

Dr S Subramaniam

kajian menunjukkan penurunan sehingga 73 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian melalui teks ucapan dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman pada Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Kali Ke-12 Majlis AIDS Malaysia (MAC) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit) dan Ketua Sektor (AIDS/STI) Dr Sha'ari Ngadiman serta Presiden MAC Datuk Dr Raj Abdul Karim.

Mengulas lanjut, Subramaniam berkata, secara keseluruhannya setiap tahun kes jangkitan baru HIV mencatat penurunan secara konsisten sejak 2002 (6,978 kes) kepada 3,393 kes, tahun lalu.

"Jangkitan HIV baru dalam kalangan penagih dadah menggunakan kaedah menyuntik (PWID) yang dahulunya berisiko tinggi HIV juga menurun daripada 53 peratus pada 2006 kepada 22 peratus, tahun lalu.

"Ia hasil program Pengurangan Kemudaratan (Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan dan Terapi Gantian Metadon) yang dilancarkan bersama KKM, MAC dan pelbagai pihak berkaitan, termasuk NGO pada 2006," katanya.